

## TPM, GPE tandatangan MoU

Harian Metro

5 Februari 2018

Kuala Lumpur

### TPM, GPE tandatangan MoU



**MOHD Azman (kiri) menunjukkan produk daripada Mesin Desktop CNC.**

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dan Green Planet Energy Co Ltd (GPE) Korea Selatan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam projek tenaga boleh diperbaharui ladang solar berskala besar dan projek Biomass.

Memorandum yang dimeterai antara dua pihak ini menjangkakan TPM akan menjadi wakil atau sumber pengedar eksklusif produk solar-powered GPE (dengan sokongan teknikal) di Malaysia bagi 10 tahun ke depan. GPE ditubuhkan pada

2014 dengan perniagaan utamanya adalah penjana kuasa tenaga boleh diperbaharui.

Memorandum itu termeterai antara Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Mohd Azman Shahidin dan Ketua Pegawai Eksekutif GPE, Dong Jin Sin.

Azman berkata, kolaborasi itu mungkin dapat melihat penubuhan syarikat tujuan khas (SPV) sebagai entiti pembeli tenaga boleh diperbaharui (PPE), yang penggunaannya kurang daripada 100MW setahun.